

# BULETIN MPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL 1 / 2020


## KUNJUNGAN HORMAT
Brigedier Jeneral Norsham bin Md Tap, Panglima Briged Ke - 11 Infantri Malaysia Kem Sungai Buloh
15

## LAWATAN PANEL ANUGERAH
Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020
6

## PROGRAM MESRA ALAM
Di Santuari Ikan Sungai Chiling
11








# BULETIN MPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

## SIDANG REDAKSI


**PENAUNG**
**Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain**
DSIS, AIS, PPT, PPC
Yang Dipertua

**SIDANG EDITOR**
- **En. Mohamad Fareez bin Normanshah**
- **Cik Izzati Husna bt. Ismail**

**PENASIHAT**
**Tn. Hj. Hasrolnizam bin Shaari**
AMS
Timbalan Yang Dipertua

**PEMBANTU PENERBITAN**
**Pn. Normali bt. Noordin**

**KETUA EDITOR**
**Pn. Rosliza bt. Mohd**
PPT
Pengarah Jabatan Perancangan Korporat

**FOTOGRAFI**
**En. Muhammad Mustaqim Siddiq bin Tahwil Azar**


| | |
|---|---|
| Talian Utama (Operator) | 03 - 4296 8000 |
| Faksimile | 03 - 4290 8050 / 8060 |
| Hotline (24 Jam) | 03 - 4296 8100 |
| Talian Bebas Tol Aduan | 1 - 800 - 22 - 8100 |
| Pantas (Bencana Alam 24 Jam) | 03 - 4280 9050 |
| Kaunter Khidmat Pelanggan | |
| • Kaunter Pertanyaan | 03 - 4285 7046 |
| • Kaunter Eksekutif Pelanggan | 03 - 4285 7357 |
| Pejabat Yang Dipertua | 03 - 4285 7090 |
| Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha | 03 - 4285 7099 |
| Jabatan Perbendaharaan | 03 - 4285 7004 |
| Jabatan Perancangan Korporat | 03 - 4285 7477 |
| Jabatan Penguatkuasa | 03 - 4285 7024 |
| • Stor | 03 - 4285 7025 |
| • Trafik | 03 - 4285 7325 |
| Jabatan Belia, Masyarakat & Lanskap | 03 - 4285 7012 |
| Jabatan Bangunan & Senibina | 03 - 4285 7009 |
| Jabatan Perancang Bandar | 03 - 4285 7008 |
| Jabatan Kejuruteraan | 03 - 4285 7300 |
| Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | 03 - 4285 7072 |
| Jabatan Pelesenan | 03 - 4285 7344 |
| Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam | 03 - 4285 7044 |
| Jabatan Kesihatan, Alam Sekitar & Penjaja | 03 - 4285 7007 |
| Jabatan Khidmat Pengurusan | 03 - 4285 7037 |
| Jabatan Undang-Undang | 03 - 4285 7016 |
| Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) | 03 - 4285 7110 |
| Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan) | 03 - 4285 7102 |
| Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat | 03 - 4285 7433 |
| Bahagian Ukur Bahan | 03 - 4285 7444 |
| Bahagian Audit Dalam | 03 - 4285 7188 |
| Bahagian Integriti | 03 - 4285 7407 |

# BENGKEL SASARAN KERJA TAHUN 2020 BAGI KEBUN-KEBUN KOMUNITI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA DAN LAWATAN PROGRAM KERJASAMA PINTAR DI JOHOR BAHRU









"MPAJ yang aktif dalam pelaksanaan inisiatif kejiranan hijau kini mempunyai 34 kebun komuniti yang berdaftar. Bagi memperkasakan pelaksanaan kebun komuniti, Bengkel Sasaran Kerja Tahun 2020 bagi kebun-kebun komuniti MPAJ telah diadakan pada 1 – 3 Februari 2020 bertempat di Johor Bahru. 30 orang wakil dari kebun-kebun komuniti yang berdaftar dengan MPAJ turut dibawa melawat ke kebun komuniti sekitar Johor Bahru. Bengkel yang telah diadakan di Hotel Grand Blue Wave, Johor Bahru bertujuan menjalinkan usaha sama pintar di antara komuniti PBT melalui siri pertukaran lawatan di antara komuniti dan penyediaan sasaran aktiviti kebun tahun 2020 bagi setiap kebun di MPAJ yang masih aktif. Bengkel tersebut turut dihadiri oleh Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ dan Encik Khairilazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap."



## *2020'S ANNUAL WORK TARGET WORKSHOP FOR MPAJ'S COMMUNITY GARDEN AND WORK VISIT AT JOHOR BAHRU*

*MPAJ who is active in implementing the green neighborhood initiative currently has 34 registered community gardens. To empower the implementation of community gardens, the 2020's Annual Work Target Workshop for MPAJ's community gardens was held on 1 - 3 February 2020 in Johor Bahru. 30 representatives from registered community gardens were also taken for a community garden visits around Johor Bahru. The workshop held at the Grand Blue Wave Hotel in Johor Bahru was aimed to foster smart collaboration among local communities through a series of inter-community visits and preparation of 2020's garden activity. The workshop was also attended by Tuan Hasrolnizam bin Shaari, Vice President of MPAJ and Encik Khairilazhar bin Ismail, Director of Youth, Community & Landscape Department.*





# BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMENTASI PROJEK HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF MPAJ 2020





PADA 18 - 20 Februari 2020 telah berlangsung Bengkel Penyediaan Dokumentasi Projek Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif di Galeri Aras 4 Menara MPAJ. Ceramah telah disampaikan oleh En. Rosdi bin Osman daripada Bahagian Pengurusan Kualiti dan Inovasi FELDA. Bengkel yang telah diadakan selama 3 hari ini bertujuan membantu peserta meningkatkan kreativiti kumpulan. Pada tahun ini sebanyak 10 kumpulan kreatif dan inovatif (KIK) daripada setiap jabatan dan bahagian akan mempertandingkan idea-idea kreatif mereka.



# MPAJ'S INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE NEW HORIZON'S DOCUMENTATION WORKSHOP 2020

*AN Innovative and Creative Circle New Horizon's Documentation Workshop was held on 18 – 20 February 2020 at Gallery of Menara MPAJ. The talk was delivered by En. Rosdi bin Osman from FELDA's Quality and Innovation Management Division. The 3-day workshop was aimed at helping participants enhance their group creativity. This year, 10 creative and innovative circles (ICC) from will compete for their creative ideas.*



# PROGRAM KEBUN MUDA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



PROGRAM Kebun Muda MPAJ mensasarkan kanak-kanak dan belia yang berumur 18 tahun ke bawah untuk mendedahkan kepada peserta dengan asas pertanian supaya mereka boleh mengisi masa lapang dengan aktiviti pertanian bandar. Program ini terbuka kepada komuniti, tadika, sekolah rendah dan menengah di bawah pentadbiran MPAJ. Pada 5 Februari 2020 telah diadakan di SMK Bukit Indah dan pada 21 Februari 2020 telah diadakan di SMK Taman Tasik.





# AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL'S YOUNG GARDEN PROGRAM

*AMPANG Jaya Municipal Council's Young Garden Program targeting children and youngsters aged below 18 was aimed to provide early exposure on basic of gardening so that these youngsters can make use of their free time by doing urban gardening. This program is open for community, kindergarten, primary school and secondary school children in MPAJ area. The Young Garden Program was held on 5 February 2020 at SMK Bukit Indah and on 21 February 2020 at SMK Taman Tasik.*







# LAWATAN PANEL ANUGERAH

## PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2020

SERAMAI 12 orang panel Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) telah hadir ke Menara MPAJ pada 2 Mac 2020 diketuai oleh Puan Nor Azurah bt. Nasir, Setiausaha Bahagian Korporat Kerajaan Negeri Selangor. Auditan yang dijalankan 2 tahun sekali menilai keupayaan MPAJ menerusi 13 kriteria iaitu pemantauan keputusan pengurusan; pengurusan kewangan; pengurusan sumber manusia; pengurusan ICT; pengurusan integriti; EKSA; pelan strategik; mekanisme kawalan kualiti; pengurusan risiko; pelan kesinambungan perkhidmatan; pengurusan pelanggan; inovasi; dan perkhidmatan teras pihak berkuasa tempatan. Anugerah ini merupakan tali pengukur bagi prestasi pengurusan MPAJ dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk dan pelanggan. Barisan panel yang turut hadir adalah En. Muhamad Shah bin Osmin, En. Khairul Nizam bin Abd. Raub, En. Radi bin Mohamad, En. Ahmad Edzuan bin Shamsuddin, Puan Ayu Azriati binti Chik Ros, Puan Nurmala binti Saaman, En. Ahmad Syazwan bin Ahmad Nordin, Puan Norkhairunnisa binti Abdullah, Puan Noor Syazana bt. Marjuni, Puan Noreha binti Mohamed Saad dan Cik Hanisah binti Haidzir. Sesi taklimat ringkas telah disampaikan sendiri oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain selaku Yang Dipertua MPAJ. Sesi penilaian dihadiri oleh Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ; serta semua ketua jabatan dalaman MPAJ.





## *Visit From Panels Of Selangor's Excellence In Office Administration And Management Award 2020*

*12 panels of Selangor's Excellence in Office Administration and Management Award 2020 visited MPAJ on 2 March 2020 led by Puan Nor Azurah bt. Nasir, Selangor's Corporate Division Secretary. The once in two years audit process evaluate MPAJ's performance through 13 criteria that are management decision monitoring; finance management; human resource management; ICT management; integrity management; EKSA; strategic planning; quality control mechanism; risk management; service continuity plan; customer management; innovation; and local councils's core businesses. This award is a benchmark for MPAJ's management performance towards providing good services to clients and residents. Panels present at Menara MPAJ for the assessment were En. Muhamad Shah bin Osmin, En. Khairul Nizam bin Abd. Raub, En. Radi bin Mohamad, En. Ahmad Edzuan bin Shamsuddin, Puan Ayu Azriati binti Chik Ros, Puan Nurmala binti Saaman, En. Ahmad Syazwan bin Ahmad Nordin, Puan Norkhairunnisa binti Abdullah, Puan Noor Syazana bt. Marjuni, Puan Noreha binti Mohamed Saad and Cik Hanisah binti Haidzir. A short briefing session was self-delivered by our President himself, Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain. Evaluation process was attended by Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Vice President of MPAJ; and all MPAJ's internal head of departments.*



























# PROGRAM **JELAJAH KESELAMATAN** DAN KESIHATAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH 2020

PROGRAM Jelajah Keselamatan dan Kesihatan Pelajar Sekolah Menengah di bawah pentadbiran MPAJ telah julung kali diadakan sebagai salah satu usaha pendedahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah menengah mengenai program atau usaha yang telah dilakukan oleh MPAJ dan agensi-agensi berkaitan. Antara pengisian program adalah taklimat berkaitan trend dadah terkini yang disampaikan oleh pegawai daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), ceramah kesedaran keselamatan cerun oleh pegawai daripada Unit Cerun MPAJ, ceramah kecelaruan jantina dan masalah remaja oleh pegawai dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan pengenalan Ampang Jaya Bandar Rendah Karbon oleh Jabatan Perancang Bandar MPAJ. Secara keseluruhannya seramai 200 orang pelajar daripada setiap sekolah menyertai program tersebut.

## *SECONDARY SCHOOL STUDENT'S SAFETY AND HEALTH TOUR PROGRAM 2020*

*SAFETY and health tour program for secondary school students was hosted by MPAJ as one of our initiatives to expose students with programs done by government agencies. Among the programs hosted were talk on latest trend in drugs abuses delivered by National Anti-Drug Agency, slope security awareness talk by Slope Unit of MPAJ, talk on gender confusion and teenage issues by District Health Office, and introduction to Ampang Jaya Low Carbon City by oleh Jabatan Perancang Bandar MPAJ. 200 students from each school participated in this program.*

| tarikh / date | sekolah / school |
|---|---|
| 13 Februari 2020 / *13 February 2020* | SMK Dato' Ahmad Razali |
| 18 Februari 2020 / *18 February 2020* | SMK Tasik Permai |
| 19 Februari 2020 / *19 February 2020* | SMK Pandan Jaya |
| 11 Mac 2020 / *11 March 2020* | SMK Taman Seraya |

# PROGRAM PUBLISITI AWAL PERBINCANGAN KUMPULAN SASAR BAGI KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN MPAJ 2035

PADA 19 Februari 2020 telah berlangsung program publisiti awal perbincangan kumpulan sasar bagi kajian Rancangan Tempatan MPAJ 2035 bertempat di Hotel De Palma Ampang. Program ini melibatkan persatuan penduduk, ahli majlis MPAJ dan agensi-agensi di Selangor untuk mendapatkan input, cadangan serta pandangan awal berkaitan Rancangan Tempatan MPAJ 2035 (Penggantian). Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Hj.Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ dan turut disertai oleh pengarah, pegawai dan kakitangan MPAJ.



# *EARLY PUBLICITY PROGRAM FOCUS GROUP DISCUSSION FOR MPAJ'S LOCAL PLAN 2035*

*EARLY publicity program focus group discussion for MPAJ's Local Plan 2020 was held on 19 February 2020 at Hotel De Palma Ampang. This program involved resident associations, MPAJ's councilors, and related agencies to get input, proposal and initial view on MPAJ's Local Plan 2035 (Replacement). It was officiated by Tuan Hj.Hasrolnizam bin Shaari, Vice President of MPAJ and attended by MPAJ's head of department, officers and employees.*











# PROGRAM MESRA ALAM
## DI SANTUARI IKAN SUNGAI CHILING

PROGRAM mesra alam di Santuari Ikan Sungai Chiling telah diadakan pada 13 Mac 2020 melibatkan seramai 35 kakitangan MPAJ. Objektif penganjuran program ini adalah untuk menyemai sifat menghargai alam di samping pembangunan jasmani dan rohani. Program turut disertai oleh Tuan Hj.Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ.







## ECO-FRIENDLY PROGRAMME AT SANTUARI IKAN SUNGAI CHILING

*AN eco-friendly program at Santuari Ikan Sungai Chiling was held on 13 March 2020 involving 35 MPAJ's staff. Objective of the program was to appreciate nature and for physical and spiritual development purpose. The program was also joined by Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Deputy President of MPAJ.*



# Program Kebun Komuniti @MENARA MPAJ

MPAJ secara rasminya telah mempunyai kebun komuniti sendiri di hadapan Menara MPAJ. Penanaman fasa pertama telah dilaksanakan oleh Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ bersama-sama wakil jabatan pada 21 Januari 2020. Semua jabatan di MPAJ telah dibekalkan dengan peralatan dan benih tanaman untuk disemai di kotak penanaman masing-masing. Antara pokok yang ditanam adalah sawi, bayam, bendi, cili, dan pelbagai sayur-sayuran. Setelah tanaman matang, sayuran tersebut dituai oleh kakitangan jabatan. Sayuran ini kemudiannya diagih antara kakitangan untuk dimasak. Terdapat juga aktiviti bertukar hasil tanaman antara jabatan bagi mengeratkan silaturrahim. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ turut turun padang bagi mengutip hasil tanaman dan melakukan penanaman semula pada 4 Mac 2020. Sayuran yang telah dituai diganti dengan penanaman sayuran baharu agar aktiviti ini terus diamalkan.






# COMMUNITY GARDEN @ MENARA MPAJ

*MPAJ officially owned a community garden located in front of Menara MPAJ. The first phase of planting was done by Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Vice President of MPAJ together with department's representative on 21 January 2020. All departments were supplied with planting equipment and seeds for planting at their planter boxes. Among vegetables planted were mustard, spinach, ladies-fingers, chili, and variety of vegetables. Once the plants were ripe, the vegetables were harvested by the departments. The vegetables were then distributed among employees. We even exchange vegetables among departments. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, President of MPAJ was also involved in harvesting the crops and replanting seeds on 4 March 2020. The harvested crops were replanted with new vegetables to ensure the continuity of this activity.*



# BENGKEL PEMAHAMAN DOKUMENTASI INTEGRASI MS ISO














# KUNJUNGAN HORMAT BRIGEDIER JENERAL NORSHAM BIN MD TAP, PANGLIMA BRIGED KE - 11 INFANTRI MALAYSIA KEM SUNGAI BULOH



PADA 26 Februari 2020, MPAJ telah menerima kunjungan daripada Brigedier Jeneral Norsham bin Md Tap, Panglima Briged Ke-11 Infantri Malaysia Kem Sungai Buloh serta pegawai pengiring beliau. Kunjungan hormat tersebut telah disambut oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ; Tn. Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ; dan barisan ketua jabatan dalaman MPAJ. Kedua-dua pihak telah bertukar pendapat dan pandangan bagi mengeratkan hubungan antara kedua-dua agensi.



## *VISIT BRIGEDIER JENERAL NORSHAM BIN MD TAP, PANGLIMA BRIGED KE-11 INFANTRI MALAYSIA KEM SUNGAI BULOH*

*ON 26 February 2020, MPAJ received a visit from Brigedier Jeneral Norsham bin Md Tap, Panglima Briged Ke-11 Infantri Malaysia Kem Sungai Buloh together with his officials. The courtesy visit was joined by Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, MPAJ's President; Tn. Hj. Hasrolnizam bin Shaari, MPAJ's Vice President; and internal head of department. We exchange ideas and views on improving strategic relation between both parties.*

# LAWATAN KE MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA MELAKA









# A VISIT TO HANG TUAH JAYA MUNICIPAL COUNCIL, MELAKA










PADA 20 Februari 2020, MPAJ telah menerima lawatan daripada Bahagian Undang-Undang, Perbadanan Putrajaya yang diketuai oleh Puan Azura bt. Saad, Pegawai Undang-Undang Perbadanan Putrajaya bertujuan untuk mempelajari Sistem Arces yang telah dilaksanakan di MPAJ. Lawatan yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung MPAJ, dipengerusikan oleh En. Johari bin Atli, Pengarah Jabatan Undang-undang MPAJ.



# LAWATAN DARIPADA PERBADANAN PUTRAJAYA

## *VISIT FROM PERBADANAN PUTRAJAYA*

*ON 20 February 2020, MPAJ received a visit from the legal division of Putrajaya Corporation lead by Puan Azura bt. Saad which is aimed to benchmark our Arces System owned by MPAJ. The visit was held at Bunga Tanjung meeting room, hosted by En. Johari bin Atli, MPAJ's director of Legal Department.*






# LAWATAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI, JOHOR

PADA 13 Februari 2020, MPAJ menerima lawatan sambil belajar daripada Majlis Bandaraya Iskandar Putri, Johor Baharu. Seramai 10 orang kakitangan dari Jabatan Undang-Undang MBIP telah hadir ke MPAJ bagi mempelajari Sistem e-IP (kertas siasatan atas talian) yang telah dibangun dan digunapakai di MPAJ. En. Johari bin Atli, Pengarah Jabatan Undang-Undang MPAJ telah mempengerusikan lawatan tersebut dan berkongsi pengalaman menggunakan sistem tersebut untuk peningkatan kecekapan kerja.







*MPAJ received a visit from Iskandar Putri City Council on 13 February 2020. 10 officials from Legal Department of MBIP were present to learn about our e-IP application (online investigation paper) developed and used by MPAJ. MPAJ's director of Legal Department En. Johari bin Atli chaired the visit and shared our experienced in using the system to enhance work performance.*

# VISIT FROM ISKANDAR PUTERI CITY COUNCIL, JOHOR



LAWATAN 5

# LAWATAN DARIPADA 'MAGIS PLT & NTT DATA INSTITUTE OF MANAGEMENT CONSULTING', JEPUN

SERAMAI 6 orang daripada 'Magis PLT & NTT Data Institute of Management Consulting', Jepun telah hadir ke MPAJ pada 3 Februari 2020 bertujuan untuk menandaaras aktiviti penguatkuasaan sitaan dan pelupusan kereta buruk yang dilaksanakan oleh MPAJ. Taklimat kepada delegasi telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ, Encik Muhammad Yusuf bin Sulaiman.











# A VISIT FROM MAGIS PLT & NTT DATA INSTITUTE OF MANAGEMENT CONSULTING, JAPAN

*6 officials from Magis PLT & NTT Data Institute of Management Consulting, Japan visited MPAJ on 3 February 2020 to benchmark our seizure enforcement activity and abandoned car disposal. Briefing session was delivered by MPAJ's director of Administration Department, Encik Muhammad Yusuf bin Sulaiman.*



# LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE IBU PEJABAT SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) DI PUTRAJAYA







UNIT Integriti MPAJ telah mengadakan satu lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya pada 16 Januari 2020. 30 orang delegasi MPAJ telah di sambut oleh Encik Hamzah bin Ibrahim, Penguasa Kanan SPRM dan Encik Muhd Fazlan bin Awang, Penolong Penguasa SPRM. Lawatan telah diketuai oleh Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ.

## *VISIT TO MALAYSIAN ANTI-CORRUPTION COMMISSION HEADQUARTERS AT PUTRAJAYA*



*MPAJ's Integrity Unit host a visit to the headquarters of Malaysian Anti-Corruption Commission (SPRM) at Putrajaya on 16 January 2020. 30 MPAJ's delegates were welcomed by Encik Hamzah bin Ibrahim and Encik Muhd Fazlan bin Awang, officials of SPRM. The visit was led by Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Vice President of MPAJ.*




PROGRAM MASYARAKAT

# PROGRAM MASYARAKAT




















# PROGRAM MASYARAKAT 3



**28 - 1**
Februari - Mac 2020/
February - March 2020

## Sambutan Hari Landskap Negara 2020

Taman Botani, Tasik Perdana
8.00am - 5.00pm











# PROGRAM MASYARAKAT 4

**22 Februari 2020/ February 2020**

## Kayuhan Kasih Mesra Bersama YAB. Timbalan Perdana Menteri

Stadium MPAJ, Pandan Perdana
8.00am - 3.00pm













# PROGRAM MASYARAKAT 5

17 Februari 2020/ February 2020

## Gotong-royong Kompleks Muhibah

Kompleks Muhibah
8.00am - 3.00pm














# PROGRAM MASYARAKAT 4

22 Februari 2020/ February 2020

**DBKL / MPAJ XCO 2020**

Pusat Komuniti Setiawangsa AU2
8.00am-3.00pm






















**Hos ◗**
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
***Host ◗***
*Property Valuation and Management Department*

**PERHIMPUNAN BULAN JANUARI 2020/ JANUARY 2020 MONTHLY ASSEMBLY**
**Tarikh ◗**
7 Januari 2020
***Date ◗***
*7 Januari 2020*







**Hos ◗**
Jabatan Perancang Bandar
***Host ◗***
*City Planner Department*

***PERHIMPUNAN BULAN FEBRUARI 2020 / FEBRUARY 2020 MONTHLY ASSEMBLY***
**Tarikh ◗**
4 Februari 2020
***Date ◗***
*4 February 2020*





**Hos ◗**
Jabatan Khidmat Pengurusan
***Host ◗***
*Management Service Department*

***PERHIMPUNAN BULAN MAC 2020 / MARCH 2020 MONTHLY ASSEMBLY***
**Tarikh ◗**
10 Mac 2020
***Date ◗***
*10 March 2020*











# SEKALUNG PENGHARGAAN

**buat semua dermawan yang telah memberi sumbangan kepada MPAJ bagi memerangi pandemic COVID-19.**

***Thank you to all benefactors who contributed to MPAJ in handling COVID 19 pandemic.***

1. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
   Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Ahli Parlimen Gombak.
2. YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail
   Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Pandan.
3. YB. Tuan Ng Sze Han
   EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru.
4. YBhg. Dato' Noor-Ihsan bin Hj. Che Mat
   Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
5. YB. Tuan Bryan Lai Wai Chong
   ADUN Teratai.
6. YBhg. Dato' Hj. Haris bin Kasim
   Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam.
7. Universiti Kuala Lumpur
8. Texas Instruments Malaysia Sdn Bhd
9. Kau Ong Yah Lam Thian Kiong Temple of Ampang
10. Acmar International Group
11. En. Nallan A/L Dhanabalan.
12. DIY Pandan Kapital.
13. Wirpo Unza (Malaysia) Sdn Bhd
14. Petron Taman Muda
15. Petron Taman Putra
16. Persatuan Bomba Sukarela Seri Serdang
17. Pejabat Penerangan Daerah Hulu Langat
18. Kelab Lion Kuala Lumpur

